

20 MAR 2002

Najib-Pembelian/I

PEMBELIAN BARU PERTAHANAN UNTUK MANFAATKAN EKONOMI NEGARA, KATA NAJIB

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

WARSAW, 20 Mac (Bernama) - Pembelian baru pertahanan mulai sekarang akan mengambil perspektif yang lebih meluas bagi menjana hasil sampingan bagi ekonomi Malaysia, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

"Kita tidak lagi lakukan pembelian secara terus, kini kita harus melihat dari segi apa negara lain dapat beli daripada Malaysia," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, yang membuat liputan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mulai Khamis.

Kementerian Pertahanan akan memastikan keperluan pertahanan untuk negara juga membawa hasil sampingan bagi ekonomi negara, kata Najib sebelum beliau mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Poland, Jerzy Szmajdzinski, di sini Rabu.

"Ia tidak semestinya aliran total dari segi tukaran asing tetapi bagaimana kita dapat menambah pembelian bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

"Kita akan mestructurkan semua perjanjian kita demi manfaat ekonomi negara, tidak semestinya ia berkaitan dengan pertahanan sahaja malah ia boleh melangkaui sektor pertahanan," kata Najib, yang tiba di sini malam tadi untuk menyertai rombongan Perdana Menteri bagi lawatan rasmi tiga hari itu.

Beliau berkata dasar itu harus dilaksanakan mulai sekarang bagi semua pembelian utama pertahanan termasuk pertimbangan kerajaan untuk membeli kereta kebal perang dari Poland serta tawaran Russia kepada Malaysia untuk membeli pesawat pejuang Sukhoi SU-30.

Najib berada di Russia minggu lepas untuk mengiringi Dr Mahathir dalam rangka lawatan perdana menteri ke tiga negara sekarang. Semasa di sana, mereka menyaksikan demonstrasi SU-30, yang Malaysia bercadang membelinya.

Dr Mahathir akan tiba dari Jerman esok untuk satu lagi aturcara lawatan padat yang termasuk mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri Poland Leszek Miller serta mengunjungi Presiden Aleksander Kwasniewski.

Beliau juga akan menyaksikan demonstrasi kereta kebal utama di sini dan terbang ke Gdansk untuk menyaksikan persembahan rangkaian Tentera Laut Poland.

Najib berkata Poland sangat berminat untuk menjual kereta kebal T-72 atau PT-91 kepada Malaysia.

Beliau dijadualkan melawat kilang di Gliwice-Laberdy, 400 km dari sini selepas mengadakan rundingan dengan menteri Poland itu.

"Saya pasti semasa perbincangan dengan menteri itu, beliau akan menyatakan minat kerajaan Poland untuk menjual kereta kebal kepada kita," katanya.

Pada peringkat ini, kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai tawaran itu kerana ia masih menimbangkan beberapa pilihan.

Selain daripada aspek teknikal dan keupayaan kereta kebal itu, kerajaan akan menimbang tawaran komersil dari segi apa yang kerajaan Poland dapat sediakan dalam bidang seperti perdagangan timbal balas, pinjaman dan pemindahan teknologi, katanya.

Sambil berkata negara lain juga menyatakan hasrat menjual kereta kebal kepada Malaysia, Najib berkata persaingan agak sengit.

Menurutnya kerajaan belum menetapkan bilangan kereta kebal yang harus dibelinya tetapi "secara idealnya, kami berbincang mengenai satu regimen kereta kebal." Ia merupakan tiga bateri dan satu bateri untuk simpanan dan

latihan.

"Satu bateri berbeza mengikut bentuk falsafah yang digunapakai oleh setiap tentera tetapi pada dasarnya, kami membincangkan antara 12 hingga 16 kereta kebal bagi setiap bateri," katanya.

Najib berkata sekumpulan pegawai tentera Kereta Perisai yang telah dihantar ke sini untuk menilai kereta kebal utama, kini bersedia memberi laporan kepadanya berhubung perkara itu.

-- BERNAMA

AZZ AKT AHH NAK